



28 April 2016
28 April 2016
P.U. (A) 115

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH DUTI KASTAM
(BARANG-BARANG DI BAWAH PERJANJIAN RANGKA
KERJA KERJASAMA EKONOMI KOMPREHENSIF ANTARA
ASEAN DAN CHINA) (TATANAMA TARIF BERHARMONIS
ASEAN) (PINDAAN) 2016

*CUSTOMS DUTIES (GOODS UNDER THE FRAMEWORK
AGREEMENT ON COMPREHENSIVE ECONOMIC
CO-OPERATION BETWEEN ASEAN AND CHINA)
(ASEAN HARMONISED TARIFF NOMENCLATURE)
(AMENDMENT) ORDER 2016*



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA KASTAM 1967

PERINTAH DUTI KASTAM (BARANG-BARANG DI BAWAH PERJANJIAN RANGKA KERJA
KERJASAMA EKONOMI KOMPREHENSIF ANTARA ASEAN DAN CHINA)
(TATANAMA TARIF BERHARMONIS ASEAN) (PINDAAN) 2016

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 11(1)
Akta Kastam 1967 [*Akta 235*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Duti Kastam
(Barang-Barang di bawah Perjanjian Rangka Kerja Kerjasama Ekonomi
Komprehensif antara ASEAN dan China) (Tatanama Tarif Berharmonis ASEAN)
(Pindaan) 2016**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 28 April 2016.

Pindaan perenggan 3

2. Perintah Duti Kastam (Barang-Barang di bawah Perjanjian Rangka Kerja
Kerjasama Ekonomi Komprehensif antara ASEAN dan China)
(Tatanama Tarif Berharmonis ASEAN) 2014 [*P.U. (A) 248/2014*], yang disebut
“Perintah ibu” dalam Perintah ini, dipinda dalam perenggan 3—

(a) dalam nota bahu, dengan menggantikan perkataan “**Duti Import**”
dengan perkataan “**Duti import ACFTA**”;

(b) dalam subperenggan (1), dengan menggantikan perkataan “ruang (4)”
dengan perkataan “ruang (5)”;

(c) dalam subperenggan (2)—

(i) dengan menggantikan perkataan “ruang (4)” dengan perkataan
“ruang (5)”; dan

- (ii) dengan menggantikan perkataan “di bawah Perintah Duti Kastam 2012 [*P.U. (A) 275/2012*]” dengan perkataan “berkenaan dengan kepala, subkepala dan barang-barang yang dinyatakan dan diperihalkan dalam ruang (1), (2) dan (3) Jadual Kedua kepada Perintah Duti Kastam (Barang-Barang Berasal dari Negeri-Negeri ASEAN) (Tatanama Tarif Berharmonis ASEAN dan Perjanjian Perdagangan Barangan ASEAN) 2012 [*P.U. (A) 277/2012*] pada kadar yang dinyatakan dalam ruang (5) Jadual itu,”;
- (d) dalam subperenggan (3), dengan menggantikan perkataan “di bawah Perintah Duti Kastam 2012” dengan perkataan “berkenaan dengan kepala, subkepala dan barang-barang yang dinyatakan dan diperihalkan dalam ruang (1), (2) dan (3) Jadual Kedua kepada Perintah Duti Kastam (Barang-Barang Berasal dari Negeri-Negeri ASEAN) (Tatanama Tarif Berharmonis ASEAN dan Perjanjian Perdagangan Barangan ASEAN) 2012 pada kadar yang dinyatakan dalam ruang (5) Jadual itu,”; dan
- (e) dengan menggantikan subperenggan (5) dengan subperenggan yang berikut:
- “(5) Dalam hal barang-barang yang dinyatakan sebagai “N.0.” dalam ruang (5) Jadual Kedua kepada Perintah ini, duti import hendaklah dilevi terhadap barang-barang itu pada kadar penuh sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang (5) Jadual Kedua kepada Perintah Duti Kastam (Barang-Barang Berasal dari Negeri-Negeri ASEAN) (Tatanama Tarif Berharmonis ASEAN dan Perjanjian Perdagangan Barangan ASEAN) 2012.”.

Perenggan baru 3A

3. Perintah ini dipinda dengan memasukkan selepas perenggan 3 perenggan yang berikut:

“Duti kastam

3A. (1) Jika barang-barang tidak layak mendapat kadar duti import yang dinyatakan dalam ruang (5) Jadual Kedua kepada Perintah ini, duti import bagi barang-barang itu hendaklah dilevi pada kadar penuh terhadap, dan dibayar oleh pengimport berkenaan dengan kepala, subkepala dan barang-barang yang dinyatakan dan diperihalkan dalam ruang (1), (2) dan (3) Jadual Kedua kepada Perintah Duti Kastam (Barang-Barang Berasal dari Negeri-Negeri ASEAN) (Tatanama Tarif Berharmonis ASEAN dan Perjanjian Perdagangan Barangan ASEAN) 2012 pada kadar yang dinyatakan dalam ruang (5) Jadual itu.

(2) Duti eksport hendaklah dilevi terhadap, dan dibayar oleh pengeksport berkenaan dengan kepala, subkepala dan barang-barang yang dinyatakan dalam ruang (1), (2) dan (3) Jadual Kedua kepada Perintah Duti Kastam (Barang-Barang Berasal dari Negeri-Negeri ASEAN) (Tatanama Tarif Berharmonis ASEAN dan Perjanjian Perdagangan Barangan ASEAN) 2012 pada kadar yang dinyatakan dalam ruang (6) Jadual itu.

(3) Dalam hal barang-barang yang tertakluk kepada kadar tarif kuota sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang (5) Jadual Kedua kepada Perintah Duti Kastam (Barang-Barang Berasal dari Negeri-Negeri ASEAN) (Tatanama Tarif Berharmonis ASEAN dan Perjanjian Perdagangan Barangan ASEAN) 2012, duti import hendaklah dilevi pada kadar duti yang dinyatakan dalam ruang (4) Appendix B kepada Perintah itu, tertakluk kepada kuota yang ditetapkan oleh agensi dalam ruang (5) Appendix B kepada Perintah itu.”.

Pindaan Jadual Kedua

4. Perintah ibu dipinda dalam Jadual Kedua—

- (a) berhubung dengan subkepala 1603.00.30 10, dalam ruang (3), dengan memotong perkataan “or fish extracts”;
- (b) berhubung dengan subkepala 1603.00.30 20, dalam ruang (3), dengan menggantikan perkataan “Fish juices” dengan perkataan “Extracts and juices of fish”;
- (c) berhubung dengan subkepala 1603.00.90 20, dalam ruang (3), dengan menggantikan perkataan “Fish juices” dengan perkataan “Juices of fish”;
- (d) berhubung dengan subkepala 3401.20.91 00, 3401.20.99 00, 3404.90.90 10 dan 3404.90.90 90, dalam ruang (3), dengan menggantikan simbol “ - - ” dengan simbol “ - - - ”;
- (e) dengan menggantikan kepala 39.01 dan butir-butir yang berhubungan dengannya dengan kepala dan butir-butir yang berikut:

“		I. PRIMARY FORMS						
39.01		Polymers of ethylene, in primary forms.”;						

- (f) dengan menggantikan perkataan “**Chapter 71 – Natural or cultured pearls, precious metals, articles thereof; imitation jewellery; coin**” dengan perkataan “**Chapter 71 – Natural or cultured pearls, precious or semi-precious stones, precious metals, metals clad with precious metal, and articles thereof; imitation jewellery; coin**”;